




LAPORAN TAHUNAN 2022

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
RENEWABLE ENERGY FUND ANNUAL REPORT 2022



©Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disiarkan dalam bentuk yang boleh digunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada elektronik atau mekanik termasuklah salinan semula, rakaman ataupun lain-lain cara penyimpanan maklumat, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

©All rights reserved. No part of this book may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or by any information retrieval system, without the permission from the copyright owner.

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia
Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia
Galeria PJH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100
Putrajaya, Malaysia.

Tel Tel : +603 8870 5800

Faks Fax : +603 8870 5900

Emel Email : enquiry@seda.gov.my

Cawangan Sabah

Sabah Branch

Likas Square Commercial Centre, Unit 32, Level 1, Lorong Likas
Square, Jalan Istiadat Likas, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel Tel : +6088 252 101/251 462

Faks Fax : +6088 250 337

www.seda.gov.my

Isi Kandungan

Table of Contents

04 Senarai Ekshibit
List of Exhibits

05 Glosari dan Akronim
Glossary and Acronyms

PENGENALAN
INTRODUCTION

06

Pentadbiran KWTBB
Administration of the RE Fund

PENGENALAN
INTRODUCTION

08

Tujuan Utama Penubuhan
Main Purpose of Establishment

PENGENALAN
INTRODUCTION

09

Sumber Kewangan
Financial Resources

PRESTASI KEWANGAN KWTBB
TAHUN 2022
*RE FUND FINANCIAL PERFORMANCE
IN YEAR 2022*

10

Pendapatan Tahun 2022
Income for Year 2022

PRESTASI KEWANGAN KWTBB
TAHUN 2022
*RE FUND FINANCIAL PERFORMANCE
IN YEAR 2022*

13

Pengurusan Pelaburan Dana
KWTBB
RE Fund Investment Management

PRESTASI KEWANGAN KWTBB
TAHUN 2022
*RE FUND FINANCIAL PERFORMANCE
IN YEAR 2022*

15

Pendapatan Faedah Daripada
Pelaburan
Interest Income From Investment

PRESTASI KEWANGAN KWTBB
TAHUN 2022
*RE FUND FINANCIAL PERFORMANCE
IN YEAR 2022*

17

Hibah Daripada Baki Akaun
Semasa
*Hibah From Current Account
Balance*

PRESTASI KEWANGAN KWTBB
TAHUN 2022
*RE FUND FINANCIAL PERFORMANCE
IN YEAR 2022*

18

Geran Program Mysuria
MySuria Programme Grant

PRESTASI KEWANGAN KWTBB
TAHUN 2022
*RE FUND FINANCIAL PERFORMANCE
IN YEAR 2022*

18

Perbelanjaan KWTBB
RE Fund Expenditure

26 Laporan
Juruaudit
Auditor Report

32 Penyata
Kewangan
*Financial
Statement*

Senarai Ekshibit

List of Exhibits

Ekshibit Exhibit

- 1 Jawatankuasa-Jawatankuasa yang Mentadbir KWTBB**
RE Fund Administrative Committees
- 2 Kerangka Konseptual Mekanisme Tarif Galakan**
The Conceptual Framework Mechanism of the Feed-in Tariff (FiT) Mechanism
- 3 Peruntukan Akta 725 bagi Sumber Kewangan KWTBB**
RE Fund Financial Resources under the Provisions of Act 725
- 4 Pecahan Pendapatan KWTBB bagi Tahun 2022**
Breakdown of RE Fund Income Generated for the Year 2022
- 5 Kutipan AoT mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi Tahun 2021 dan 2022**
AoT Collection by Distribution Licensees in the Year 2021 and 2022
- 6 Jumlah Kutipan AoT Terkumpul mengikut Pemegang Lesen Pengagihan sehingga 31 Disember 2022**
Cumulative Collection of AoT by Distribution Licensees as of 31 December 2022
- 7 Tarikh Jawatankuasa Pelaburan Bersidang pada Tahun 2022**
Date of Investment Committee Meetings in the Year 2022
- 8 Baki Simpanan Tetap KWTBB mengikut Bank pada 31 Disember 2022**
Fixed Deposit Balance of RE Fund by Banks as of 31 December 2022
- 9 Butiran Pendapatan Faedah mengikut Bank bagi Tahun 2021 dan 2022**
Details of Interest Income by Banks for the Year 2021 and 2022
- 10 Pendapatan Hibah bagi Tahun 2021 dan 2022**
Hibah Income for the Year 2021 and 2022
- 11 Peruntukan Seksyen 25 Akta 725**
Provision of Section 25 Act 725
- 12 Perbelanjaan Dana KWTBB bagi Tahun 2021 dan 2022**
RE Fund Expenditure for the Year 2021 and 2022
- 13 Perbelanjaan RoM mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi Tahun 2021 dan 2022**
RoM Expenditure by Distribution Licensees for the Year 2021 and 2022
- 14 Jumlah Terkumpul Perbelanjaan RoM mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari Tahun 2012 hingga 2022**
Cumulative of RoM Expenditure by Distribution Licensees from Year 2012 to 2022
- 15 Perbelanjaan Terkumpul Fi Pentadbiran dari Tahun 2012 hingga 2022**
Cumulative of Administrative Fee Expenditure from Year 2012 to 2022
- 16 Perbelanjaan Terkumpul RoM mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 hingga 2022**
Cumulative RoM Expenditure by Renewable Energy Resources from Year 2012 to 2022

Glosari Dan Akronim

Glossary and Acronyms

A	AFFIN	Affin Islamic Bank Berhad	M	MBB	Malayan Banking Berhad
	AI-Rajhi	AI-Rajhi Bank Malaysia		MBSB	MBSB Bank Berhad
	AoT	Peruntukan daripada Tarif Elektrik <i>Allocation of Tariff</i>		MUSB	Malakoff Utilities Sdn. Bhd.
B	BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad	N	NUR	NUR Distribution Sdn. Bhd.
	BKRM	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad		O	OCBC
	BPMB	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	OPR		Kadar Dasar Semalaman <i>Overnight Policy Rate</i>
	BSN	Bank Simpanan Nasional Berhad	P	PBB	Public Islamic Bank Berhad
	BUCC	Bandar Utama City Corporation		PKP MCO	Perintah Kawalan Pergerakan <i>Movement Control Order</i>
C	CIMB	CIMB Islamic Bank Berhad	PLP DLs	Pemegang Lesen Pengagihan <i>Distribution Licensees</i>	
	COOP Bank	Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	R	RHB	RHB Bank Berhad
D	DC	Kos Pembelian <i>Displacement Cost</i>		RoM	Mendapatkan Wang <i>Recovery of Moneys</i>
F	FiAH PKG	Pemegang Kelulusan Galakan <i>Feed-in Approval Holder</i>	S	SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari <i>Sustainable Energy Development Authority</i>
	FiT	Tarif Galakan <i>Feed-in Tariff</i>		SESB	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
K	KFH	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad		SME	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad
	KWTBB RE FUND	Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu <i>Renewable Energy Fund</i>	STMMD	Simpanan Pasaran Wang Jangka Pendek <i>Short Term Money Market Deposit</i>	
L	LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri <i>Inland Revenue Board</i>	T	TNB	Tenaga Nasional Berhad
M	MAB	Malaysia Airlines Berhad			
	MASSB	Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.			

Pengenalan

Introduction



Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] bagi mewujudkan dan melaksanakan sistem tarif galakan untuk memangkinkan penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

The Renewable Energy Fund (RE Fund) was established pursuant to section 23 of the Renewable Energy Act 2011 [Act 725] to administer and implement a Feed-in Tariff system to catalyse the generation of Renewable Energy (RE) and to provide for related matters.

Pentadbiran KWTBB

KWTBB hendaklah ditadbirkan dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia (Pihak Berkuasa) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta 725.

Administration of the RE Fund

According to section 23 of Act 725, the RE Fund shall be administered and controlled by the Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia (the Authority).

Sama seperti Pihak Berkuasa, semua urusan pentadbiran KWTBB dikawal selia oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan seperti **Ekshibit 1** di bawah:

All administrative matters of RE Fund, similar to the Authority, are regulated by relevant committees, as shown in **Exhibit 1** below:



Tujuan Utama Penubuhan


Dana KWTBB digunakan bagi melaksanakan skim Tarif Galakan (Feed-in Tariff – FiT) sejak tahun 2012. Berdasarkan kepada seksyen 23 [Akta 725], kutipan bayaran tambahan sebanyak 1.6% dikenakan ke atas bil elektrik oleh Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) kepada pengguna kecuali pengguna di Sarawak dan pengguna domestik dengan penggunaan elektrik kurang daripada 300 kilowatt jam (kWj) sebulan. Caj tambahan ini dikutip oleh PLP yang kemudiannya diserahkan kepada Pihak Berkuasa. Sementara itu, proses di mana Pihak Berkuasa membayar balik kepada PLP bayaran bulanan yang dibuat kepada Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) dikenali sebagai Mendapatkan Wang (RoM). Pembayaran balik ini adalah berdasarkan kepada jumlah perbezaan positif selepas menolak kos pembekalan semasa daripada bayaran FiT kepada PKG.

Kerangka konseptual Mekanisme Tarif Galakan ini dapat diringkaskan seperti di **Ekshibit 2** berikut.

Purpose of Establishment

Since 2012, the RE Fund has been utilised to implement the Feed-in Tariff (FiT) mechanism. According to Section 23 [Act 725], Distribution Licensees (DLs) are required to collect an additional payment of 1.6% on electricity bills from all consumers, with the exception of consumers in Sarawak and domestic consumers with electricity consumption of less than 300 kilowatt hours (kWh) per month. The additional charges are collected by the DLs and then remitted to the Authority. Meanwhile, a procedure known as Recovery of Moneys (RoM) is used to reimburse the monthly payment made by the Authority to the Feed-in Approval Holders (FiAHs). The reimbursement is calculated based on the amount of positive difference after deducting the prevailing displaced cost from the FiT payment to the FiAHs.

The conceptual framework of the Feed-in Tariff mechanism is summarised in **Exhibit 2** below.



Ekshibit Exhibit 2 Kerangka Konseptual Mekanisme Tarif Galakan The Conceptual Framework of the Feed-in Tariff Mechanism

Sumber Kewangan

Sumber kewangan bagi KWTBB adalah seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 23(2)(a) hingga perenggan 23(2)(d) Akta 725 seperti di **Ekshibit 3** berikut:

Financial Resources

Financial resources for the RE Fund as governed by paragraph 23(2)(a) until (d) of Act 725 are as in **Exhibit 3** below:

Apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud KWTBB dari semasa ke semasa

Such sums as may be provided by the Parliament for the purposes of the Fund from time to time

Apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa di bawah subseksyen 22(4), 24(1) dan 24(5) Akta 725

Such sum paid to the Authority under subsections 22(4), 24(1) and 24(5) of Act 725

Perenggan 23(2)(a)
Paragraph 23(2)(a)

Perenggan 23(2)(b)
Paragraph 23(2)(b)

Perenggan 23(2)(c)
Paragraph 23(2)(c)

Perenggan 23(2)(d)
Paragraph 23(2)(d)

Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada KWTBB, termasuk bunga

All moneys derived as income from investments made from the Fund, including interest

Segala wang lain yang diterima secara sah oleh Pihak Berkuasa bagi pihak KWTBB

All other moneys lawfully received by the Authority on behalf of the Fund

◀ Ekshibit Exhibit 3

Peruntukan Akta 725 bagi Sumber Kewangan KWTBB
RE Fund Financial Resources under the Provisions of Act 725

Prestasi Kewangan KWTBB Tahun 2022


RE Fund Financial Performance in Year 2022

Pendapatan Tahun 2022

Pendapatan KWTBB dipecahkan kepada dua (2) jenis hasil iaitu Urus Niaga Pertukaran dan Urus Niaga Bukan Pertukaran. Sumber Urus Niaga Pertukaran KWTBB adalah daripada faedah diterima daripada pelaburan di Simpanan Tetap dan hibah yang dijana daripada tunai disimpan di akaun semasa. Sementara itu, Urus Niaga Bukan Pertukaran merupakan hasil kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (*Allocation of Tariff – AoT*) dan pelunasan hasil geran program MySuria. Namun, pelunasan hasil geran program MySuria ini tidak diambil kira bagi analisa pendapatan KWTBB. **Ekshibit 4** di bawah menunjukkan pecahan pendapatan KWTBB bagi tahun 2022 tanpa pelunasan hasil geran MySuria.

Income for Year 2022

The income of RE Fund is divided into two (2) types of revenue, namely Exchange Transactions and Non-Exchange Transactions. The source of income for the Exchange Transactions of RE Fund comes from the interest received from investments in Fixed Deposits and hibahs generated from cash deposited in current accounts. On the other hand, the Non-Exchange Transactions consists of collections from the Allocation of Tariff (AoT) and the amortisation of grants from the MySuria programme. However, the amortisation of the MySuria programme grants is not considered for RE Fund revenue analysis. **Exhibit 4** below shows the breakdown of RE Fund revenue for the year 2022 excluding the amortisation of MySuria grant proceeds.




Pecahan Pendapatan KWTBB bagi Tahun 2022

RE Fund Income Breakdown for
Year 2022

Ekshibit Exhibit 4 ▶

**Pecahan Pendapatan KWTBB
bagi Tahun 2022**
RE Fund Income Breakdown for
Year 2022



Pendapatan utama dana KWTBB adalah tertakluk kepada subseksyen 24(1) Akta 725 iaitu daripada hasil kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT).

AoT merupakan caj tambahan yang dikenakan kepada pengguna elektrik. Caj ini dikenakan kepada semua kategori pengguna di Semenanjung Malaysia dan Sabah, kecuali bagi kategori pengguna domestik dengan penggunaan elektrik kurang daripada 300 kilowatt jam (kWj) sebulan.

Kadar AoT mula dikenakan sejak tahun 2011, iaitu sebanyak 1.0% daripada tarif yang dikenakan dan dipungut, selepas ditolak apa-apa diskaun yang diluluskan oleh Kerajaan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Bermula dari tahun 2014, kadar kutipan AoT ini dinaikkan kepada 1.6%.

Tiga (3) Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) telah diberi kuasa di bawah Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013, untuk mengutip caj AoT ini, iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR).

Kutipan AoT mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti di **Ekshibit 5** berikut:


The main source of income of the RE fund is governed by subsection 24(1) of Act 725, which is derived from the collection of the Allocation of Tariff (AoT).

The AoT is a surcharge imposed on electricity users. This charge applies to all categories of consumers in Peninsular Malaysia and Sabah, except for domestic consumers whose monthly electricity consumption is less than 300 kilowatt hours (kWh).

The AoT surcharge was introduced in 2011 and levied at 1% from the charged and collected tariff, minus any discounts approved by the Government as stated in the Electricity Supply Act 1990 [Act 447]. Starting from the year 2014, this AoT rate was increased to 1.6%.

Under the Renewable Energy (Allocation from Electricity Tariffs) Order 2013, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), and NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR) are the three (3) Distribution Licensees (DLs) authorised to collect these AoT charges.

The AoT collected by Distribution Licensees in 2021 and 2022 is shown in **Exhibit 5** as follows:



Ekshibit Exhibit 5 Kutipan AoT mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi Tahun 2021 dan 2022
AoT Collection by Distribution Licensees in the Year 2021 and 2022

Pada tahun 2022, kutipan AoT yang diterima oleh KWTBB daripada tiga (3) PLP meningkat kepada RM759.60 juta iaitu peningkatan sebanyak RM64.84 juta atau 9.3%, berbanding kutipan tahun 2021. Jumlah kutipan ini adalah hampir sama jika dibandingkan dengan kutipan tahun 2019 iaitu sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berjumlah RM753.85 juta. Sepanjang tempoh PKP, jumlah kutipan telah menunjukkan penurunan di bawah paras RM700.00 juta (2020: RM663.16 juta & 2021: RM694.76 juta)

Secara kumulatif, jumlah kutipan AoT yang telah diterima hingga 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM6.86 bilion. TNB merupakan penyumbang terbesar kepada caj AoT ini, iaitu RM6.55 bilion atau 95.55% daripada jumlah keseluruhan kutipan AoT. Ini adalah selaras dengan rekod TNB sebagai PLP yang mempunyai jumlah pengguna terbesar iaitu sebanyak 9.9 juta pada tahun 2022.

In 2022, the total collection of AoT from three (3) DLs for the RE Fund has increased to RM759.60 million, representing a growth of RM64.84 million or 9.3% as compared to the collections in 2021. The amount collected is almost similar when compared to the collections in 2019, before the Movement Control Order (MCO) period, which amounted to RM753.85 million. Throughout the MCO period, the collection amount has dropped to below the RM700.00 million threshold (2020: RM663.16 million & 2021: RM694.76 million).

Cumulatively, the total amount of AoT collection until 31 December 2022 amounted to RM6.86 billion. TNB is the largest contributor to this AoT charge, with RM6.55 billion or 95.55% of the total AoT collections. This is consistent with TNB's record as the main Distribution Licensee (DL) with the highest number of customers, totaling 9.9 million in the year 2022.




Jumlah Kutipan AoT Terkumpul mengikut Pemegang Lesen Pengagihan

Cumulative Collection of AoT by
Distribution Licensees

Ekshibit Exhibit 6 ▶

Jumlah Kutipan AoT Terkumpul
mengikut Pemegang Lesen
Pengagihan hingga 31 Disember 2022
Cumulative Collection of AoT by
Distribution Licensees as of
31 December 2022



Pengurusan Pelaburan Dana KWTBB

Pelaburan dana KWTBB dibuat berdasarkan subseksyen 26(1) Akta 725 yang menyatakan wang daripada Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang wang itu tidak dikehendaki atau tidak serta-merta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh YB Menteri dengan persetujuan YB Menteri Kewangan.

YB Menteri Kewangan telah memberi kelulusan kepada Pihak Berkuasa dan KWTBB untuk membuat pelaburan jangka pendek secara menyeluruh di dalam simpanan tetap dan *Short Term Money Market Deposit* (STMMMD) mulai 7 Februari 2020. Kementerian Kewangan juga telah menyatakan bahawa pelaburan yang dilaksanakan hanya dibenarkan di dalam bentuk simpanan tetap dan STMMMD di bank dan/atau institusi kewangan berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

Oleh itu, Pihak Berkuasa telah memastikan bahawa pelaksanaan semua pelaburan adalah mematuhi Garis Panduan Pengurusan Simpanan Tetap/Simpanan Pasaran Wang Jangka Pendek (*Short Term Money Market- STMMMD*) bagi Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari dan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (Garis Panduan Simpanan Tetap) dengan setiap peletakan simpanan tetap diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan.

Disamping itu, keputusan Jawatankuasa Pelaburan akan turut diangkat ke Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari untuk makluman dan pengesahan bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan dengan telus, berhemat dan mempunyai ciri-ciri semak dan imbang.

Sehubungan itu, empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 dengan peletakan pelaburan di sebelas (11) bank/institusi kewangan untuk tempoh maksimum dua belas (12) bulan. Butiran kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan pada tahun 2022 adalah seperti di **Ekshibit 7** berikut:

RE Fund Investment Management

Investment of the RE fund is made in accordance with subsection 26(1) of Act 725, which states that the moneys from the Fund shall, in so far as they are not required or immediately required to be expended by the Authority under this Act, be invested in such manner as the Minister may approve with the concurrence of the Minister of Finance.


The Minister of Finance has granted approval to the Authority and RE Fund to make short-term investments in Fixed Deposits and Short Term Money Market Deposits (STMMMD) starting from 7 February 2020. The Ministry of Finance has also stated that investments can only be made in the form of Fixed Deposits and STMMMD in banks and/or licensed financial institutions approved by the Ministry of Finance to receive deposits from Departments/Agencies/Companies based on a list updated regularly by the Ministry of Finance.

Therefore, the Authority has ensured that all investments are carried out in accordance to the Guidelines for the Management of Fixed Deposits/Short Term Money Market (STMMMD) for the Sustainable Energy Development Authority Fund and the Renewable Energy Fund (Fixed Deposits Guidelines), with each placement of fixed deposits being approved by the Investment Committee.

Furthermore, the Investment Committee's decisions will also be tabled to the Sustainable Energy Development Authority Members' Meeting for information and confirmation to ensure that investment management is carried out transparently, prudently and with check and balance features.

*In this regard, four (4) Investment Committee meetings were held throughout the year of 2022, involving placements of investments in eleven (11) banks/financial institutions for a maximum period of twelve (12) months. The details of the Investment Committee meetings frequency in 2022 are as outlined in **Exhibit 7** below:*

2022



Ekshibit Exhibit 7 ▲

Tarikh Jawatankuasa Pelaburan bersidang pada tahun 2022
Date of Investment Committee Meetings in the year 2022

Peletakan pelaburan telah dilaksanakan berdasarkan tawaran kadar faedah yang paling menguntungkan pada tarikh peletakan pelaburan tersebut. Berdasarkan peletakan pelaburan secara berperingkat pada tahun 2022, kadar faedah kepada pelaburan-pelaburan ini adalah di antara 2.25% sehingga 4.60% setahun (tahun 2021: 2.05% sehingga 3.47% setahun). Peningkatan kadar faedah ini adalah selaras dengan pengumuman kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate - OPR) kepada 2.75% pada November 2022 berbanding 1.75% pada tahun 2021.

Investment placements were carried out based on the most favorable interest rates offered at the time of the respective placement. Considering the staggered investment placements in the year 2022, the interest rates for these investments ranged between 2.25% and 4.60% per annum (compared to 2.05% to 3.47% per annum in 2021). This increase in interest rates is in line with the announcement of an increase in the Overnight Policy Rate (OPR) to 2.75% in November 2022, compared to 1.75% in 2021.

Pendapatan Faedah Daripada Pelaburan


Terdapat penurunan ke atas hasil faedah dari Simpanan Tetap bagi tahun 2022 sebanyak RM4.69 juta atau 5.64% berbanding tahun 2021. Penurunan hasil faedah pelaburan ini adalah kerana jumlah pelaburan peletakan simpanan tetap pada bulan Mac 2022 pada kadar purata 2.36% selama sembilan (9) bulan hanya berjumlah RM3.20 bilion (2021: RM3.27 bilion) bagi mengambil kira komitmen bayaran ansuran cukai berjumlah RM36.60 juta sebulan. Seterusnya, pelaburan semula telah dilakukan pada bulan Disember 2022 berjumlah RM3.17 bilion pada kadar purata faedah yang lebih tinggi iaitu purata 4.55% setahun susulan peningkatan kadar OPR kepada 2.75%. Namun, jumlah hasil faedah terakru untuk pelaburan pada bulan Disember 2022 hanya boleh diiktiraf bagi tempoh kurang dari sebulan sahaja.

Butiran baki pelaburan simpanan tetap KWTBB pada 31 Disember 2022 adalah seperti di **Ekshibit 8** berikut:

Interest Income From Investment

Interest Income from Fixed Deposit for the year 2022 reduced by RM4.69 million or 5.64% as compared to the year 2021. This reduction is because only RM3.20 billion of fixed deposits were placed in March 2022 at an average rate of 2.36% over nine (9) months tenure (2021: RM3.27 billion), in consideration of RM36.60 million monthly tax installment commitment. Subsequently, a reinvestment placement of RM3.17 billion was made in December 2022 at a higher average interest rate of 4.55% per annum, following the increase in the OPR to 2.75%. However, the accrued interest income for the reinvestment in December 2022 can only be recognized for less than one-month period.

Details of the balance of RE Fund's fixed deposit investments as of 31 December 2022, are as in **Exhibit 8** below:



Nota: Jumlah maksima pelaburan yang dibenarkan berdasarkan Garis Panduan Simpanan Tetap di setiap bank/institusi kewangan adalah 20%
Note: According to the Fixed Deposit Guidelines, the maximum amount of investment allowed in each bank/financial institution is 20%

Butiran pendapatan faedah daripada pelaburan mengikut bank adalah seperti di **Ekshibit 9** berikut:

Details of investment interest income by banks are as shown in Exhibit 9 below:

BANK	Tahun 2021 Year 2021		Tahun 2022 Year 2022	
	Jumlah Amount	%	Jumlah Amount	%
BKRM	16,476,822	19.83%	15,519,247	19.79%
MBSB	4,279,265	5.15%	10,091,635	12.87%
AFFIN	14,085,342	16.95%	9,085,425	11.59%
RHB	14,704,658	17.69%	8,607,260	10.98%
MBB	14,753,425	17.75%	7,079,589	9.03%
BIMB	5,475,822	6.59%	6,543,692	8.34%
PBB	0	0.00%	4,904,417	6.25%
BPMB	253,151	0.30%	4,797,863	6.12%
Al-Rajhi	266,152	0.32%	4,512,877	5.75%
CIMB	4,982,456	5.99%	4,350,685	5.55%
COOP Bank	3,156,123	3.80%	2,182,616	2.78%
SME	2,027,781	2.44%	378,082	0.48%
KFH	2,383,911	2.87%	367,055	0.47%
BSN	266,164	0.32%	0	0.00%
Jumlah Total	83,111,071	100.00%	78,420,443	100.00%

Ekshibit Exhibit 9 Butiran Pendapatan Faedah mengikut Bank bagi Tahun 2021 dan 2022
Details of Interest Income by Banks for the Year 2021 and 2022

Hibah Daripada Baki Akaun Semasa

KWTBB menggunakan dua (2) akaun semasa bagi tujuan pengurusan transaksi terimaan dan perbelanjaan iaitu akaun semasa di CIMB Islamic Bank Berhad dan OCBC Al-Amin Bank. Kedua-dua akaun semasa ini menjana pendapatan hibah berdasarkan baki akaun semasa yang dikreditkan ke akaun pada setiap hujung bulan.

Pada tahun 2022, sebanyak RM4.13 juta telah direkodkan sebagai pendapatan hibah, iaitu peningkatan sebanyak RM2.77 juta atau 204% berbanding tahun 2021. Peningkatan ini adalah kerana berdasarkan keputusan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang diterima pada bulan Mei 2022, kutipan AoT dan geran yang diterima Pihak Berkuasa tidak dikenakan cukai. Oleh itu, ansuran cukai yang dibayar oleh Pihak Berkuasa secara bulanan dihentikan dengan pembayaran terakhir pada 6 Julai 2022. Disebabkan itu juga, terdapat lebihan tunai yang tinggi di akaun semasa sebelum baki tunai yang sebelum ini disediakan bagi ansuran cukai ini dilaburkan di simpanan tetap berdasarkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Bil. 2/2022 pada 23 Ogos 2022.


Pendapatan hibah diterima untuk setiap akaun semasa adalah seperti di **Ekshibit 10** berikut:

Hibah On Current Account Balance

RE Fund maintains two (2) current accounts for the purpose of managing receivable and payable transactions, i.e. CIMB Islamic Bank Berhad and OCBC Al-Amin Bank. Both current accounts generate hibah income based on the account balances with the income credited to the accounts at the end of each month.

In 2022, a total of RM4.13 million was recorded as hibah income, representing an increase of RM2.77 million or 204% compared to the year 2021. This increase is as a result of the decision by the Inland Revenue Board (LHDN) received in May 2022 where taxes on AoT collections and grants received by the Authority are no longer applicable. Hence, the Authority stopped the monthly tax installment payments with last payment made on 6th July 2022. Consequently, there was a significant surplus of cash in the current account which was previously reserved for the tax installment prior to the fixed deposit investment placement approval from the Investment Committee No. 2/2022 on 22 August 2022.

Hibah income received for each current account is as shown in **Exhibit 10** below:



Ekshibit Exhibit 10 Pendapatan Hibah bagi Tahun 2021 dan 2022
Hibah Income for the Year 2021 and 2022

Geran Program MySURIA

KWTBB juga menerima geran tahunan Program MySuria daripada Kementerian Kewangan dengan jumlah RM1.13 juta pada tahun 2021 bagi pembayaran Tarif Galakan dan Bonus kepada peserta yang terlibat dalam pelaksanaan program MySURIA. Sejumlah RM0.79 juta daripada geran MySURIA telah dilunaskan pada tahun 2021 bagi pembayaran Tarif Galakan, yang merupakan pembayaran Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran kepada PLP dan SEDA Malaysia.

Secara kumulatif, sejumlah RM9.37 juta geran MySURIA telah diterima sejak tahun 2018 dan sejumlah RM2.90 juta telah dilunaskan bagi pembayaran Tarif Galakan.

Perbelanjaan KWTBB

Perbelanjaan dana KWTBB seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta 725 adalah seperti berikut:

MySURIA Programme Grant


The RE Fund received a grant of RM1.13 million from the Ministry of Finance in 2021 for the payment of Feed-in Tariff and Bonuses to the MySuria programme participants. A total of RM0.79 million from the MySuria grant was utilised in 2021 for the payment of Feed-in Tariffs, in the form of payment of Recovery of Moneys (RoM) and Administration Fees to the DLs and the Authority.

Cumulatively, a total of RM9.37 million of MySuria grant has been received since 2018 and a total of RM2.91 million has been utilised for Feed-in Tariff payment.

RE Fund Expenditure

The expenditures of the RE Fund as provided under section 25 Act 725 are as follows:

SEKSYEN 25 AKTA 725 SECTION 25 ACT 725



Perenggan 25(a)
Paragraph 25(a)


Dibelanjakan bagi maksud :
Expended for the purpose of:

Seksyen 19 Section 19

Pembayaran Mendapatkan Wang (RoM) kepada Pemegang Lesen Pengagihan; dan
Recovery of Moneys (RoM) payment to Distribution Licensees; and

Seksyen 20 Section 20

Pembayaran Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa bagi mentadbir sistem tarif galakan.
Administration Fees payment to Distribution Licensees and the Authority to administer the FiT system.



Perenggan 25(b)
Paragraph 25(b)

Secara amnya membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta 725.
Generally paying any expenses for carrying into effect the provision of Act 725.

Mendapatkan Wang (RoM) adalah jumlah positif daripada perbezaan di antara bayaran Tarif Galakan dengan Kos Pembekalan/*Displacement Cost* (DC) yang dituntut oleh PLP daripada KWTBB. Selain itu, PLP dan Pihak Berkuasa juga boleh menuntut Fi Pentadbiran masing-masing pada kadar 2% dan 3% daripada jumlah RoM secara bulanan daripada KWTBB. Perbelanjaan utama KWTBB adalah perbelanjaan pelaksanaan Tarif Galakan iaitu pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa.

Pada tahun 2022, jumlah pembayaran tuntutan RoM kepada tujuh (7) PLP menurun kepada RM429.62 juta atau 2.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM440.09 juta. Penurunan tuntutan adalah selari dengan penurunan janaan tenaga berbanding tahun 2021. Punca kepada penurunan janaan ini telah dikenalpasti kerana beberapa faktor seperti berikut:

- terdapat beberapa PKG telah mengalami isu teknikal seperti masalah inverter akibat dari banjir besar pada hujung tahun 2021 dengan penggantian mengambil masa yang agak lama bagi pengeoperasian semula;
- pelaksanaan penyelenggaraan utama enjin biogas (dibai pulih);
- proses pembaikan loji yang telah diambilalih oleh syarikat baharu;
- PKG telah mencapai status operasi akhir di bawah FiT pada tahun 2021; dan
- penyelenggaraan berjadual seperti servis ke atas transformer, sistem pemadam kebakaran serta kerja-kerja kalibrasi yang telah tertangguh sejak tahun 2020 berikutan pelaksanaan PKP pada tahun 2022.

Sejajar dengan penurunan perbelanjaan RoM, bayaran ke atas Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa juga menurun sebanyak RM523.41 ribu atau 2.4% berbanding tahun 2021 kerana jumlah fi ini bergantung kepada jumlah RoM yang dituntut oleh PLP.

Sementara itu, perbelanjaan di bawah perenggan 25(b) Akta 725 pada tahun 2022 berjumlah RM459.45 ribu iaitu penurunan sebanyak RM1.08 juta atau 70.22% berbanding tahun 2021. Penurunan perbelanjaan adalah kerana kelewatan proses pelantikan juruaudit pengauditan bagi pengurusan RoM dan AoT untuk tahun 2021. Oleh itu, kerja-kerja pengauditan hanya akan bermula pada awal tahun 2023. Selain itu, tiada perbelanjaan bagi perkhidmatan perundangan pada tahun 2022 (2021: RM400,000).

Butiran perbelanjaan dana KWTBB bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti di **Ekshibit 12** berikut:

The Recovery of Moneys (RoM) represents the positive difference between the FiT payment and the Displaced Cost (DC) claimed by DLs from the RE Fund. Additionally, both DLs and the Authority are entitled to claim for the Administrative Fees, set at 2% and 3% respectively on the total monthly RoM from the RE Fund. The primary expenditure of the RE Fund is allocated to the implementation of the FiT, specifically for the disbursement of RoM and the Administration Fee to DLs and the Authority.

In 2022, total amount of RoM claims paid to seven (7) DLs decreased to RM429.62 million, marking a decline of 2.4% compared to the RM440.09 million in 2021. This decrease in claims is in line with the reduction in energy generation compared to the year 2021. The followings are among the factors which have been identified as the cause of the energy generation reductions:

- *a few of the FIAHs experienced technical issues such as faulty inverters as a result of the major flood which had occurred at the end of 2021, requiring a longer period for replacement and the plant to restart its operation;*
- *implementation of major biogas engine maintenance (overhaul);*
- *process of repairing acquired plants by new company;*
- *some FIAHs reached the end of their FiT operation status in 2021; and*
- *scheduled maintenance activities such as servicing transformers, fire suppression systems and calibration work that were deferred since 2020 due to the implementation of movement restrictions in 2022.*

In line with the decrease in RoM expenditure, the payment for Administrative Fee to the DLs and the Authority also decreased by RM523.41 thousand or 2.4% compared to the year 2021, as the amount of this fee depends on the amount of RoM claimed by the DLs.

Meanwhile, expenditure under paragraph 25(b) of Act 725 in 2022 amounted to RM459.45 thousand, reflecting a decrease of RM1.08 million or 70.22% compared to the year 2021. The reduction in expenditure was due to the delay in the process of appointing auditors for the audit of RoM and AoT management for the year 2021. Consequently, the audit work will only commence in early 2023. Furthermore, there were no legal services expenditure in the year 2022 (2021: RM400,000).

*The details of RE fund expenditure for the year 2021 and 2022 are as shown in **Exhibit 12** below:*

Perbelanjaan Expenditure	Tahun 2021 Year 2021		Tahun 2022 Year 2022	
	Jumlah Amount	%	Jumlah Amount	%
Mendapatkan Wang <i>Recovery of Moneys</i>	440,090,460	94.92%	429,622,427	95.14%
Fi Pentadbiran PLP <i>DLs Administrative Fees</i>	8,801,822	1.90%	8,592,460	1.90%
Fi Pentadbiran Pihak Berkuasa <i>The Authority's Administrative Fees</i>	13,202,721	2.85%	12,888,678	2.86%
Perbelanjaan perenggan 25(b) Akta 725 <i>Expenditure as per for the paragraph 25(b) of Act 725</i>	1,542,930	0.33%	459,451	0.10%
Jumlah Total	463,637,933	100.00%	451,563,016	100.00%

Ekshibit Exhibit 12 Perbelanjaan Dana KWTBB bagi Tahun 2021 dan 2022
RE Fund Expenditure for the Year 2021 and 2022

Perbelanjaan terbesar RoM pada tahun 2022 adalah kepada TNB, iaitu RM362.27 juta atau 84.33% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan, diikuti oleh SESB (10.63%) dan MASSB (3.52%). Perbandingan perbelanjaan RoM mengikut PLP adalah seperti berikut:

The biggest RoM expenditure in 2022 were to TNB, RM362.27 million or 84.33% of the total expenditure, followed by SESB (10.63%) and MASSB (3.52%). The following table compares RoM expenditure according to DLs:

Pemegang Lesen Pengagihan Distribution Licensees	Tahun 2021 Year 2021		Tahun 2022 Year 2022	
	Jumlah Amount	%	Jumlah Amount	%
TNB	366,962,043	83.38%	362,270,285	84.33%
SESB	48,954,797	11.12%	45,663,586	10.63%
MASSB	17,231,397	3.92%	15,131,801	3.52%
MAB	5,962,042	1.36%	5,539,017	1.29%
NUR	899,932	0.20%	952,445	0.22%
MUSB	64,841	0.02%	50,887	0.01%
BUCC	15,408	0.00%	14,406	0.00%
Jumlah Total	440,090,460	100.00%	429,622,427	100.00%

Ekshibit Exhibit 13 Perbelanjaan RoM mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi Tahun 2021 dan 2022
RoM Expenditure by Distribution Licensees in the Year 2021 and 2022

Secara kumulatif, jumlah perbelanjaan RoM setakat 31 Disember 2022 adalah RM3.40 bilion yang telah dibayar kepada tujuh (7) PLP mulai tahun 2012 sehingga 2022. Perbelanjaan terbesar adalah kepada TNB iaitu RM2.73 bilion atau 80.11% daripada keseluruhan perbelanjaan RoM. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada sejumlah 10,343 Pemegang Tarif Galakan (FiAH) di TNB yang telah mencapai status beroperasi secara komersil sehingga tahun 2022. Sementara itu, sejumlah RM447.85 juta tuntutan RoM telah dibayar kepada SESB (13.17%) dan RM170.42 juta kepada MASSB (5.01%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan RoM.

Cumulatively, the total RoM expenditure as of 31 December 2022, amounted to RM3.40 billion, which has been disbursed to seven (7) DLs from 2012 to 2022. The largest expenditure was towards TNB, totaling RM2.73 billion or 80.11% of the overall RoM expenditure. This amount is based on a total of 10,343 Feed-in Approval Holders (FiAH) under TNB who have achieved commercial operational status until 2022. Meanwhile, a sum of RM447.85 million in RoM claims has been paid to SESB (13.17%) and RM170.42 million to MASSB (5.01%) from the total RoM expenditure.




Jumlah Terkumpul Perbelanjaan RoM mengikut Pemegang Lesen Pengagihan

Cumulative of RoM Expenditure by Distribution Licensees

Ekshibit Exhibit 14 ▶

Jumlah Terkumpul Perbelanjaan RoM mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari tahun 2012 sehingga 2022

Cumulative of RoM Expenditure by Distribution Licensees from year 2012 to 2022



Jumlah perbelanjaan Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa secara kumulatif dari tahun 2012 hingga 2022 adalah RM170.14 juta. Fi Pentadbiran yang telah dibayar kepada Pihak Berkuasa berjumlah RM102.07 juta iaitu 3% daripada jumlah tuntutan RoM dan jumlah ini merupakan 60% daripada jumlah keseluruhan Fi Pentadbiran yang dibelanjakan oleh KWTBB. Sementara itu, baki 40% adalah pembayaran untuk Fi Pentadbiran kepada PLP. Sejumlah RM54.53 juta telah dibayar kepada TNB manakala sejumlah RM8.96 juta dibayar kepada SESB.

The cumulative total of Administrative Fee expenditure to DLs and the Authority from 2012 to 2022 amounts to RM170.14 million. The Administrative Fee paid to the Authority is RM102.07 million, which constitutes 3% of the total RoM claims, and this amount represents 60% of the overall Administrative Fee expended by RE Fund. Meanwhile, the remaining 40% is designated for the Administrative Fee payment to DLs. An amount of RM54.53 million has been disbursed to TNB, while RM8.96 million has been paid to SESB as Administrative Fees.




**Perbelanjaan
Terkumpul Fi
Pentadbiran**

Cumulative of Administrative
Fee Expenditure

Ekshibit Exhibit 15 ▶

Perbelanjaan Terkumpul Fi
Pentadbiran dari Tahun 2012
sehingga 2022

Cumulative of Administrative Fee
Expenditure from Year 2012 to 2022



Sementara itu, perbelanjaan terkumpul terbesar RoM berdasarkan kategori tenaga boleh baharu adalah untuk fotovolta solar (PV) berjumlah RM2.68 bilion atau 78.77% daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh biogas berjumlah RM484.90 juta (14.25%), biojisim RM220.93 juta (6.49%) dan hidrokuasa kecil berjumlah RM16.76 juta (0.49%).

Meanwhile, the largest cumulative RoM expenditure based on renewable energy categories are for solar photovoltaics (PV), totaling RM2.68 billion or 78.77% of the total. This is followed by biogas at RM484.90 million (14.25%), biomass at RM220.93 million (6.49%), and small hydropower at RM16.76 million (0.49%).



Perbelanjaan Terkumpul RoM mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu

Cumulative RoM Expenditure by Renewable Energy Resources

Ekshibit Exhibit 16 ▶


Perbelanjaan Terkumpul RoM mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2022
Cumulative RoM Expenditure by Renewable Energy Resources from Year 2012 to 2022

Hidrokuasa Kecil
Small Hydropower
0.49%
RM16.76 Juta Million

Biojisim
Biomass
6.49%
RM220.93 Juta Million

Biogas
Biogas
14.25%
RM484.90 Juta Million

Fotovolta Solar
Solar Photovoltaics
78.77%
RM2.68 Bilion Billion





PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022



MOHD NIZARUDDIN & CO.

Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No 8-3B, Tingkat 3 Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

LAPORAN BEBAS JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan Aset Bersih dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk dasar-dasar perakaunan yang penting dan nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan di muka surat yang disertakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan KWTBB pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir disediakan menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725).

ASAS PENDAPAT

Kami telah menjalankan kerja-kerja audit selaras dengan piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA YANG LAIN

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada pihak KWTBB dan kami juga telah mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Profesional Akauntan ("IESBA"), dan serta memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

MAKLUMAT SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT

Anggota Pihak Berkuasa adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi Laporan Anggota Pihak Berkuasa tetapi tidak termasuk penyata kewangan KWTBB dan laporan juruaudit kami yang berkaitan.

LAPORAN BEBAS JURUAUDIT
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
(SAMBUNGAN)

Pendapat kami mengenai penyata kewangan KWTBB tidak meliputi lain-lain maklumat tersebut dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan yang berkaitan.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan KWTBB ini, tanggungjawab kami adalah untuk membaca lain-lain maklumat tersebut dan dengan berbuat demikian untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat tersebut adalah secara terus menerus matan dengan penyata kewangan KWTBB atau jika dalam pengetahuan yang kami perolehi melalui kerja-kerja pengauditan atau lain-lain cara yang akan menunjukkan ianya telah salah nyata secara matan.

Jika berdasarkan kerja-kerja yang telah kami laksanakan, dan kami juga telah membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam lain-lain maklumat tersebut, kami akan dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Pihak kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

PERKARA AUDIT UTAMA ("KEY AUDIT MATTERS")

Perkara audit utama adalah perkara-perkara yang mana dalam penghakiman professional kami, adalah beberapa perkara yang diberikan lebih perhatian serta kerja-kerja audit tambahan semasa pengauditan penyata kewangan KWTBB pada tahun semasa.

Ianya telah diteliti semasa pengauditan penyata kewangan secara keseluruhan dan bagi tujuan menyatakan pendapat kami, kami tidak akan mengeluarkan pendapat berasingan ke atas perkara ini. Perkara-perkara yang dinyatakan di bawah adalah perkara-perkara audit utama yang telah dibincangkan melalui laporan audit ini. Perkara-perkara audit utama tersebut adalah seperti berikut:

1. Pengiktirafan kutipan Urus Niaga Bukan Pertukaran dan tuntutan Mendapatkan Wang dan Fi Pentadbiran oleh Pemegang Lesen Pengagihan (PLP).
2. Pelaburan di dalam Simpanan Tetap Jangka Pendek.
3. Perkara-perkara berkaitan percukaian bagi tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu.

Kaedah dan prosedur yang telah diambil untuk menangani perkara audit utama di atas adalah seperti berikut :

1. Mendapatkan pemahaman tambahan mengenai sistem dengan lebih terperinci, proses dan kawalan serta melaksanakan ujian ke atas kawalan utama.
2. Meneliti minit-minit mesyuarat, surat-surat dan dasar-dasar perakaunan yang telah ditetapkan dan diterima pakai oleh KWTBB.
3. Meneliti dan menyemak semula pengiraan jumlah cukai yang dikira bagi tahun taksiran terdahulu oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LAPORAN BEBAS JURUAUDIT
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
(SAMBUNGAN)

TANGGUNGJAWAB ANGGOTA PIHAK BERKUASA KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Anggota Pihak Berkuasa adalah bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan KWTBB yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725). Anggota Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Anggota Pihak Berkuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan KWTBB yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan KWTBB, Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan KWTBB untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan berkaitan usaha berterusan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP AUDIT PENYATA KEWANGAN

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan KWTBB secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan tertinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- i. Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- ii. Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman KWTBB.
- iii. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Pihak Berkuasa.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
(SAMBUNGAN)

- iv. Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan Anggota Pihak Berkuasa dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan KWTBB untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahkan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan Juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan KWTBB berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Pihak Berkuasa mengenai, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti sepanjang pengauditan kami.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PIHAK BERKUASA LAIN

Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dibawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725) telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.



MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 02102/10/2024 J
Akauntan Bertauliah



MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)

Kajang, Selangor.
Tarikh : **21 SEP 2023**

Ruj: 2309007

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU



PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia

Kami, Ahmad Zairin Bin Ismail dan Datuk Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Pihak Berkuasa, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Pihak Berkuasa:

Bagi pihak Anggota Pihak Berkuasa:

.....
Nama: AHMAD ZAIRIN BIN ISMAIL

Gelaran: Pengerusi

Tarikh: 28 JUN 2023

Tempat: Pihak Berkuasa Pembangunan
Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia
Presint 4, Putrajaya

.....
Nama: DATUK Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN

Gelaran: Anggota Pihak Berkuasa

Tarikh: 28 JUN 2023

Tempat: Pihak Berkuasa Pembangunan
Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia
Presint 4, Putrajaya

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

Saya, Zafina Binti Ahmad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di.....**Putrajaya**.....)
pada.....**28 JUN 2023**.....)

ZAFINA BINTI AHMAD

750505-08-6560

PENGARAH KEWANGAN

No. Keahlian MIA: 33092

Di hadapan saya



PESURUHJAYA SUMPAH
MALAYSIA

MESSRS HAMIDI & FARID
Advocates & Solicitors
Blok B-13 (B), 1st Floor,
Bazaar@8, Jalan Seluang P8/7,
Presint 8, 62250 Putrajaya.
+6019-3808703, +603-83280306
mf8vocate1@gmail.com

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

		2022	2021
	NOTA	RM	RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	3	75,903,999	68,015,429
Pelaburan Jangka Pendek	4	3,430,000,000	3,270,000,000
Cukai Dan Pindahan Boleh Pulih	5	559,618	559,618
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	6	127,184,900	127,648,369
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	7	8,924,868	62,668,945
Cukai Terlebih Bayar	8	526,555,450	272,568,490
Jumlah Aset Semasa		4,169,128,835	3,801,460,851
Aset Bukan Semasa			
Aset Tak Ketara	9	354,106	398,498
Jumlah Aset Bukan Semasa		354,106	398,498
Jumlah Aset		4,169,482,941	3,801,859,349
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	10	77,409,231	80,917,684
Jumlah Liabiliti Semasa		77,409,231	80,917,684
Liabiliti Bukan Semasa			
Geran MySuria	11	6,862,979	6,464,110
Liabiliti Cukai Tertunda	12	63,677	53,022
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		6,926,656	6,517,132
Jumlah Liabiliti		84,335,887	87,434,816
Aset Bersih		4,085,147,054	3,714,424,533
ASET BERSIH			
Lebihan Berkumpul		4,085,147,054	3,714,424,533
Jumlah Aset Bersih		4,085,147,054	3,714,424,533

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

		2022	2021
	NOTA	RM	RM
Hasil			
Urus Niaga Pertukaran	13	82,551,396	84,469,351
Urus Niaga Bukan Pertukaran	14	760,337,822	695,556,021
Jumlah Hasil		842,889,218	780,025,372
Belanja			
Kos Mendapatkan Wang & Fi Pentadbiran	15	438,214,887	448,892,283
Pemegang Lesen Pengagihan			
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	16	12,888,678	13,202,721
Perkhidmatan dan Bekalan	17	459,451	1,542,929
Belanja Susut Nilai		44,392	44,393
Geran dan Pindahan	18	736,131	796,987
Bayaran Lain		168	86
Jumlah Belanja		452,343,707	464,479,399
Lebihan Bagi Tahun Sebelum Cukai		390,545,511	315,545,973
Tolak : Cukai	8	19,822,990	20,272,706
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai		370,722,521	295,273,267
Dipegang Oleh:		370,722,521	295,273,267
Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu		370,722,521	295,273,267

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Lebihan Berkumpul		Jumlah Aset Bersih
	NOTA	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2021		2,349,034,177	2,349,034,177
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai		295,273,267	295,273,267
Pelarasan Tahun Sebelum		1,070,117,089	1,070,117,089
Baki Seperti Pada 31 Disember 2021		3,714,424,533	3,714,424,533
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai		370,722,521	370,722,521
Baki Seperti Pada 31 Disember 2022		4,085,147,054	4,085,147,054

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

		2022	2021
	NOTA	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Terimaan			
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik		759,601,691	694,759,034
Faedah Diterima		82,551,396	84,469,351
Geran		1,135,000	1,135,000
Terimaan Lain		(31,852,302)	(54,577,725)
Bayaran			
Mendapatkan Wang & Fi Pentadbiran PLP		(438,214,887)	(448,892,283)
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia		(12,888,678)	(13,202,721)
Perkhidmatan dan Bekalan		(459,451)	(1,542,929)
Bayaran Geran		(736,131)	(796,987)
Cukai		(273,799,296)	(418,301,662)
Bayaran Lain		(168)	(86)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	19	85,337,174	(156,951,008)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pelaburan Jangka Pendek		(160,000,000)	80,000,000
Terimaan Daripada Jualan Pelaburan		82,551,396	84,469,351
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		(77,448,604)	164,469,351
Peningkatan Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		7,888,570	7,518,343
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		68,015,429	60,497,086
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		75,903,999	68,015,429
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Tunai di Bank		75,903,999	68,015,429
		75,903,999	68,015,429

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	2022			2021		
	Anggaran Asal	Sebenar		Anggaran Asal	Sebenar	
	RM	RM	%	RM	RM	%
TERIMAAN						
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik	747,923,000	759,601,691	(1.56)	683,240,000	694,759,034	(1.69)
Faedah Pelaburan & Hibah	76,902,000	82,551,396	(7.35)	84,392,000	84,469,351	(0.09)
Jumlah Terimaan	824,825,000	842,153,087	(2.10)	767,632,000	779,228,385	(1.51)
BAYARAN						
Mendapatkan Wang & Fi	455,640,580	438,214,887	3.82	455,458,500	448,892,282	1.44
Pentadbiran PLP						
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	13,401,220	12,888,678	3.82	13,395,800	13,202,721	1.44
Perkhidmatan dan Bekalan	911,200	459,451	49.58	2,157,500	1,587,323	26.43
Bayaran Lain	150	168	(12.00)	150	86	42.67
Jumlah Bayaran	469,953,150	451,563,184	3.91	471,011,950	463,682,412	1.56
LEBIHAN BERSIH SEBELUM CUKAI	354,871,850	390,589,903	(10.07)	296,620,050	315,545,973	(6.38)
Cukai	18,456,480	19,822,990	(7.40)	88,903,665	20,272,706	77.20
LEBIHAN BERSIH SELEPAS CUKAI	336,415,370	370,766,913	(10.21)	207,716,385	295,273,267	(42.15)

PENYESUAIAN LEBIHAN BERSIH SELEPAS CUKAI

	2022 RM
Lebihan Bersih Selepas Cukai (Penyata Prestasi Bajet)	370,766,913
Tolak: Belanja Susut Nilai	(44,392)
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai (Penyata Prestasi Kewangan)	370,722,521

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. ASAS PENYEDIAAN

a) Maklumat Am

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 23 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] dan ianya hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) mulai tahun 2011. Objektif utama KWTBB adalah untuk membiayai perkembangan Tenaga Boleh Baharu dan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT).

Segala kos operasi dan emolumen bagi mentadbir KWTBB dibayar oleh SEDA Malaysia.

Anggota SEDA Malaysia dilantik oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Anggota SEDA Malaysia terdiri daripada seorang (1) Pengerusi, tiga (3) orang wakil Kerajaan Persekutuan, lima (5) orang anggota lain dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Anggota SEDA Malaysia yang masih berkhidmat sejak tarikh akhir Penyata Kewangan ini adalah seperti berikut:

Anggota yang masih kekal bagi tahun 2022:

YBhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hasan
 YB Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif
 YBhg. Dato' Hamzah bin Hussin – Ketua Pegawai Eksekutif

Anggota baharu yang dilantik pada tahun 2022:

YBrs. Dr. Wirdati binti Mohd Radzi (dilantik pada 1 Februari 2022)
 YBrs. Ts. Dr. Sang Yew Ngin (dilantik pada 1 April 2022)
 YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa (dilantik pada 1 Jun 2022)
 YBrs. Dr. Nik Azmi bin Nik Omar (dilantik pada 1 Jun 2022)
 YBrs. En. Habizan Rahman bin Habeeb Rahman (dilantik pada 1 Jun 2022)
 YBrs. En. Saiful Sungkih bin Abdullah (dilantik pada 1 Ogos 2022)

Anggota yang tamat perkhidmatan pada tahun 2022:

YBhg. Datin Nik Roslini binti Raja Ismail (tamat perkhidmatan pada 15 Mac 2022)
 YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh (tamat perkhidmatan pada 2 April 2022)
 YBrs. Usha Nandhini Jayaram (tamat perkhidmatan pada 30 April 2022)
 YBhg. Datuk Hang Tuah bin Din @ Mohamed Din (tamat perkhidmatan pada 30 April 2022)
 YB Lukanisman bin Awang Sauni – Pengerusi (tamat perkhidmatan pada 10 Disember 2022)

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Anggota SEDA Malaysia menerima atau layak menerima sebarang manfaat seperti yang termaktub di dalam Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726].

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia Bil. 01/2023 pada 6 Jun 2023 dan diluluskan melalui Ketetapan Tanpa Bermesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Secara Edaran) Bil. 1/2023 pada 27 Jun 2023.

b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan menurut kelaziman Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan.

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan.

c) Pertimbangan Dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. DASAR PERAKAUNAN

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh KWTBB:

a) Asas Perakaunan

KWTBB telah memilih untuk mengguna pakai piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2022.

b) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik

Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik adalah kutipan bulanan daripada caj tambahan sebanyak 1.6% daripada bil elektrik pengguna di Semenanjung Malaysia dan Sabah selain pengguna domestik yang menggunakan bekalan elektrik sebanyak 300 kilowatt jam dan ke bawah setiap bulan. Pendapatan ini diambil kira apabila kutipan yang kena dibayar dikenakan dan diterima pada tahun kewangan mengikut asas akruan.

- Pelunasan Geran Program MySuria

Merupakan hasil pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2022.

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- Pendapatan Faedah dan Hibah

Pendapatan faedah dan hibah diiktiraf berasaskan akruan atas perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

c) Belanja Am

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku dan dikenakan.

d) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada KWTBB dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada penilaian oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Digital.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset tak ketara KWTBB terdiri daripada perisian sistem perakaunan SAGA KWTBB dan sistem e-Cashflow KWTBB yang dibangunkan untuk pengurusan dana KWTBB serta dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sistem perisian.

Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh di mana ianya ditanggung.

Tempoh jangka hayat aset tak ketara ditentukan tidak melebihi sepuluh (10) tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai bawaan aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam lebihan atau kurangan.

e) Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima

Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima dinyatakan pada kos. Hutang ragu akan diperuntukkan bagi hutang yang tidak berbayar melebihi tempoh satu (1) tahun.

f) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai Dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada baki di bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara langsung.

g) Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar

Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar dinyatakan pada kos yang menyamai nilai saksama ganjaran yang dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

h) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

i) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebih atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebih yang dikenakan cukai dan diukur dengan menggunakan kadar cukai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan boleh dikenakan bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada Tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

Berdasarkan keputusan rayuan Borang Q bertarikh 24 Mei 2022, pendapatan faedah yang dikenakan cukai ke atas pihak KWTBB adalah tertakluk kepada Cukai Pendapatan Syarikat (fail "C") dan pengiraan cukai pendapatan KWTBB adalah tertakluk kepada Perenggan 2 Jadual 1 ACP di mana kadar cukai pendapatan syarikat bagi tahun taksiran 2011 hingga 2015 pada kadar 25% dan tahun taksiran 2016 hingga 2022 pada kadar 24%.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara KWTBB menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh akhir tahun kewangan.

j) Tukaran Wang Asing

Urusniaga yang dibuat dengan menggunakan mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia dengan kadar yang ditetapkan pada masa urusniaga dibuat.

k) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, KWTBB akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) Pembayaran tertunggak;
- iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis; atau
- iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

l) Peruntukan-Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai semasa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan terdiri daripada:

	<u>2022</u>	<u>2021</u>
	RM	RM
Tunai di bank	<u>75,903,999</u>	<u>68,015,429</u>

4. PELABURAN JANGKA PENDEK

Pada 7 Februari 2020, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan secara menyeluruh kepada SEDA Malaysia untuk membuat pelaburan jangka pendek bagi dana KWSM dan KWTBB.

Di dalam tahun 2022, pelaburan di dalam Simpanan Tetap Jangka Pendek dibuat di sebelas (11) Institusi Kewangan Berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan untuk tempoh maksimum dua belas (12) bulan dan pelaburan ini dipastikan tidak menjejaskan komitmen perbelanjaan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu. Kadar Faedah yang diterima adalah pada kadar di antara 2.25% sehingga 4.60% setahun (2021: 2.05% sehingga 3.47% setahun). Butiran pelaburan simpanan tetap adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	-	95,000,000
RHB Bank Berhad	535,000,000	600,000,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	535,000,000	680,000,000
Affin Islamic Bank Berhad	535,000,000	600,000,000
Malayan Banking Berhad	-	600,000,000
MBSB Bank Berhad	537,000,000	200,000,000
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	-	100,000,000
Al Rajhi Bank	100,000,000	-
CIMB Islamic Bank Berhad	535,000,000	95,000,000
Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	-	100,000,000
Bank Islam Malaysia Berhad	653,000,000	200,000,000
	3,430,000,000	3,270,000,000

5. CUKAI DAN PINDAHAN BOLEH PULIH

	2022	2021
	RM	RM
Cukai boleh pulih	559,618	559,618

KWTBB tidak memegang apa-apa cagaran atau peningkatan kredit atas penghutang yang melebihi tempoh. Semua boleh pulih daripada Cukai dan Pindahan adalah dalam Ringgit Malaysia.

Analisis pengumuman Cukai Boleh Pulih adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Kurang dari 6 bulan	-	-
6 bulan hingga 1 tahun	-	-
1 tahun hingga 3 tahun	559,618	559,618
	559,618	559,618

6. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2022	2021
	RM	RM
Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima	127,184,900	127,648,369

Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima

Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima tidak dikenakan faedah dan mengikut Perenggan 3(3)(a) dan (b) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2013, Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) hendaklah membayar ke dalam KWTBB setiap bulan secara menunggak sebelum hari pertama bagi bulan keempat selepas kutipan diterima. Sebagai contoh kutipan sumbangan Peruntukan Tarif Elektrik yang dikutip dalam bulan Disember 2022, hendaklah dibayar kepada KWTBB sebelum 1 April 2023. KWTBB telah mengiktiraf hasil sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik yang dikutip oleh PLP dalam tahun 2022 walaupun bayaran diserahkan dalam tahun berikutnya. Akaun Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan butiran adalah seperti berikut:

	2022		2021	
Pemegang Lesen Pengagihan	Bulan Kutipan	RM	Bulan Kutipan	RM
Tenaga Nasional Berhad	November 2022 - Disember 2022	119,682,027	November 2021 - Disember 2021	120,854,196
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	Oktober 2022 - Disember 2022	6,399,298	Oktober 2021 - Disember 2021	6,019,324
NUR Distribution Sdn. Bhd.	Disember 2022	1,103,575	Disember 2021	774,849
	Jumlah	127,184,900	Jumlah	127,648,369

Semua bayaran Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima telah dijelaskan dalam tahun 2023 mengikut tempoh yang ditetapkan selaras dengan Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2013.

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga pertukaran belum terima adalah daripada hasil faedah dari pelaburan simpanan tetap belum diterima pada 31 Disember 2022 yang akan matang pada tahun 2023. Perbandingan bagi hasil belum diterima adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Faedah pelaburan simpanan tetap belum terima	8,924,868	62,668,945

8. PERCUKAIAN

Cukai yang dikenakan adalah terhadap kepada pendapatan faedah dan lain-lain hasil selaras dengan keputusan rayuan Borang Q bertarikh 24 Mei 2022 yang mana KWTBB adalah tertakluk kepada Cukai Pendapatan Syarikat (Fail C) dan pengiraan cukai pendapatan KWTBB tertakluk kepada perenggan 2 Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan.

Pada tahun semasa, cukai terlebih bayar adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Baki awal di bawa hadapan	(272,568,490)	1,195,577,618
Cukai tahun semasa	19,812,335	20,272,644
Cukai tahun sebelum (terlebih nyata)/ terkurang nyata	-	(1,070,117,089)
	(252,756,155)	145,733,173
Cukai dibayar	(273,799,295)	(418,301,662)
Baki akhir di hantar hadapan	(526,555,450)	(272,568,490)

Perbelanjaan cukai tahun semasa adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Perbelanjaan Cukai		
Cukai tahun semasa	19,812,335	20,272,644
Berkaitan dengan lain-lain perbezaan sementara	10,655	62
	19,822,990	20,272,706

Penyesuaian kadar cukai efektif tahun semasa

	2022	2021
	RM	RM
Lebihan bagi tahun sebelum cukai	390,545,511	315,545,973
Cukai yang dikenakan pada kadar 24%	93,730,922	75,731,033
Pendapatan dikecualikan cukai	(182,481,077)	(166,933,445)
Belanja yang tidak dibenarkan	108,562,490	111,475,056
Belanja cukai tertunda	10,655	62
	19,822,990	20,272,706

9. ASET TAK KETARA

	<u>Sistem SAGA KWTBB RM</u>	<u>Sistem e-Cashflow KWTBB RM</u>	<u>Jumlah RM</u>
Kos			
Pada 1 Januari 2022	47,700	396,229	443,929
Tambahan	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	47,700	396,229	443,929
Susut Nilai Terkumpul			
Pada 1 Januari 2022	4,796	40,635	45,431
Caj Susut Nilai	4,770	39,622	44,392
Pada 31 Disember 2022	9,566	80,257	89,823
Amaun Bawaan	38,134	315,972	354,106
Kos			
Pada 1 Januari 2021	47,700	396,229	443,929
Tambahan	-	-	-
Pada 31 Disember 2021	47,700	396,229	443,929
Susut Nilai Terkumpul			
Pada 1 Januari 2021	26	1,012	1,038
Caj Susut Nilai	4,770	39,623	44,393
Pada 31 Disember 2021	4,796	40,635	45,431
Amaun Bawaan	42,904	355,594	398,498

10. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

		<u>2022 RM</u>	<u>2021 RM</u>
Akaun belum bayar	(a)	76,794,583	79,768,830
Terakru	(b)	614,648	1,148,854
		77,409,231	80,917,684

Akaun Belum Bayar dan Belum Bayar Lain adalah tidak dikenakan faedah dan pada kebiasaannya diselesaikan atas terma 30 hari.

a) Akaun Belum Bayar

Akaun Belum Bayar didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan terdiri daripada perbelanjaan tertunggak yang dipertanggungkan kepada KWTBB di bawah Seksyen 19 dan 20 Akta 725 yang perlu dibayar seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Tenaga Nasional Berhad	56,938,451	57,538,442
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	14,239,743	16,262,928
NUR Distribution Sdn. Bhd.	137,391	152,338
Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.	2,431,048	2,623,652
Malaysia Airlines Berhad	826,506	901,577
Malakoff Utilities Sdn. Bhd.	4,034	8,360
Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.	2,166	2,422
SEDA Malaysia	2,194,697	2,279,111
Al-Rajhi Bank	548	-
Mohd Nizaruddin & Co	19,999	-
	76,794,583	79,768,830

Penumpuan Risiko Kredit adalah terhad dan ianya tidak dilakukan.

b) Terakru

Akaun Terakru terdiri daripada perbelanjaan yang belum dibayar di bawah perenggan 25(b) Akta 725 seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Kos Pengauditan dan Percukaian	614,368	614,249
Perkhidmatan dan Bekalan	280	-
Perkhidmatan Perundangan	-	400,000
Penyelenggaraan Komputer dan Sistem Aplikasi	-	134,605
	614,648	1,148,854

11. GERAN PROGRAM MYSURIA

KWTBB telah menerima Geran MySuria pada tahun 2022 bagi tujuan pelaksanaan pembayaran *Feed-in Tariff* (FiT) kepada peserta program MySuria dan Fi Pentadbiran kepada Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) dan SEDA Malaysia. Terimaan dan Perbelanjaan Geran MySuria adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Baki Geran pada awal tahun	6,464,110	6,126,097
Geran diterima pada tahun semasa	1,135,000	1,135,000
Perbelanjaan Geran tahun semasa	(736,131)	(796,987)
Baki Geran pada akhir tahun	6,862,979	6,464,110

12. CUKAI TERTUNDA

Amaun aset dan liabiliti cukai tertunda, selepas penimbangan yang sesuai, dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan, adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Berikut merupakan pergerakan liabiliti cukai tertunda		
Pada awal tahun	53,022	52,960
Pindahan ke Penyata Prestasi Kewangan	10,655	62
Pada akhir tahun	63,677	53,022

13. URUS NIAGA PERTUKARAN

Butiran urus niaga pertukaran KWTBB terdiri Pendapatan daripada pelaburan (Perenggan 23(2)(c) Akta 725) termasuk Hibah bank seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Faedah Diterima Daripada Pelaburan Simpanan Tetap	78,420,443	83,111,071
Sub-Jumlah	78,420,443	83,111,071
Hibah Bank	4,130,953	1,358,280
	82,551,396	84,469,351

14. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

		2022	2021
		RM	RM
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik	(a)	759,601,691	694,759,034
Pelunasan Geran Program MySuria	(b)	736,131	796,987
		760,337,822	695,556,021

a) Peruntukan Daripada Tarif Elektrik

Pendapatan yang diterima oleh KWTBB adalah berdasarkan subseksyen 23(2), Akta 725 yang terdiri daripada berikut:

- (i) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang dari semasa ke semasa;
- (ii) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada SEDA Malaysia di bawah Subseksyen 22(4), 24(1) dan 24 (5);
- (iii) semua wang yang diperolehi sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada KWTBB, termasuk bunga; dan
- (iv) segala yang lain yang diterima secara sah oleh SEDA Malaysia bagi pihak KWTBB.

Butiran Pendapatan KWTBB terdiri daripada Peruntukan Daripada Tarif Elektrik (subseksyen 24(1)) dan Pendapatan daripada pelaburan (Perenggan 23(2)(c)) seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik		
Tenaga Nasional Berhad	722,299,879	660,920,139
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	26,927,399	24,692,157
NUR Distribution Sdn. Bhd.	10,374,413	9,146,738
	759,601,691	694,759,034

b) Pelunasan Geran Program MySuria

Merupakan hasil pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2022 berjumlah RM736,131.

15. MENDAPATKAN WANG & FI PENTADBIRAN PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN

Berdasarkan Seksyen 19 Akta 725, Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) berhak untuk mendapatkan daripada KWTBB, sejumlah wang yang bersamaan dengan perbezaan antara:

- a) jumlah tarif galakan yang dibayar oleh PLP kepada pemegang kelulusan galakan (PKG); dengan
- b) kos yang selainnya kena ditanggung oleh PLP itu untuk menjana amaun elektrik yang sama dengan yang dijana oleh PKG itu berdasarkan kos pembekalan semasa.

Selain itu PLP juga hendaklah dibayar fi pentadbiran pada kadar 2% bagi setiap pembayaran mendapatkan wang yang dituntut oleh PLP berdasarkan perenggan 2(1) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Butiran pembayaran Mendapatkan Wang kepada PLP termasuk Fi Pentadbiran adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Tenaga Nasional Berhad	369,515,702	374,301,296
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	46,576,859	49,933,894
NUR Distribution Sdn. Bhd.	971,494	917,931
Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.	15,434,437	17,576,025
Malaysia Airlines Berhad	5,649,797	6,081,283
Malakoff Utilities Sdn. Bhd.	51,904	66,138
Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.	14,694	15,716
	438,214,887	448,892,283

16. FI PENTADBIRAN SEDA MALAYSIA

SEDA Malaysia juga hendaklah dibayar Fi Pentadbiran sebanyak 3% bagi setiap pembayaran Mendapatkan Wang yang dituntut oleh PLP berdasarkan perenggan 2(2) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011

Pembayaran Fi Pentadbiran oleh KWTBB kepada SEDA Malaysia adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	12,888,678	13,202,721

17. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Selaras dengan Perenggan 25(b) Akta 725, KWTBB hendaklah dibelanjakan bagi membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta 725. Berikut adalah perbelanjaan yang digunakan di bawah Perenggan 25(b) Akta 725:

	2022	2021
	RM	RM
Kos pengauditan dan percukaian	58,871	774,473
Penyelenggaraan komputer	307,478	338,606
Percetakan	27,960	25,400
Lain-lain	65,142	4,450
Perkhidmatan perundangan	-	400,000
	459,451	1,542,929

Kos Pengauditan adalah bayaran kepada juruaudit luar bagi menjalankan audit pematuhan bagi Mendapatkan Wang (RoM) Pemegang Lesen Pengagihan iaitu Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd, Malaysia Airlines Berhad, Malakoff Utilities Sdn Bhd dan Bandar Utama City Corporation Bhd. Selain itu, fi pengauditan bagi Penyata Kewangan KWTBB bagi tahun 2022 juga termasuk dalam perbelanjaan audit.

Kos penyelenggaraan sistem adalah perbelanjaan penyelenggaraan *data server* bagi sistem e-FiT di Cyberjaya. Kos percetakan adalah termasuk kos penyediaan laporan tahunan KWTBB dan percetakan Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2022.

18. GERAN DAN PINDAHAN

Merupakan belanja pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2022 seperti butiran berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Mendapatkan Wang	701,077	759,035
Fi Pentadbiran PLP	14,022	15,181
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	21,032	22,771
	736,131	796,987

19. ALIRAN TUNAI BERSIH DARIPADA OPERASI

	2022	2021
	RM	RM
Lebihan bagi tahun kewangan	370,722,521	295,273,267
Pelarasan:		
Susut nilai	44,392	44,393
Hasil faedah	(82,551,396)	(84,469,351)
Perubahan Dalam Belum Terima	54,207,546	24,198,898
Perubahan Dalam Belum Bayar	(3,508,452)	5,692,728
Perubahan Dalam Peruntukan Cukai	(253,986,961)	(398,029,018)
Perubahan Dalam Geran	398,869	338,013
Perubahan Dalam Liabiliti Cukai Tertunda	10,655	62
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	85,337,174	(156,951,008)

20. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan KWTBB adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi perbelanjaan operasi KWTBB sementara menguruskan risiko kewangannya, termasuk risiko kredit, risiko kadar faedah, risiko kecairan dan aliran tunai.

a) Risiko Kredit

KWTBB mengamalkan polisi iaitu tunai dan setara tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen.

b) Risiko Kadar Faedah

KWTBB tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

c) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

KWTBB tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan semua modal kerja. Selain daripada itu, KWTBB juga menguruskan dengan teliti urusan keluar masuk tunai dan juga urusan pembayaran pemiutang.

21. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Pihak-pihak Berkaitan dan Hubungan


Berikut adalah pihak-pihak berkaitan seperti yang termaktub di dalam Akta 725 dan diklasifikasikan sebagai Pemegang Lesen Pengagihan:

- i. Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- ii. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)
- iii. NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR)
- iv. Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. (MASSB)
- v. Malaysia Airlines Berhad (MAB)
- vi. Malakoff Utilities Sdn. Bhd. (MUSB)
- vii. Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. (BUCC)

22. ANGGOTA PENGURUSAN UTAMA

Anggota pengurusan utama KWTBB dan SEDA Malaysia terdiri daripada anggota pengurusan yang sama. Mereka mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti KWTBB sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Bilangan anggota pengurusan utama KWTBB ialah 9 orang (2021: 8 orang).



**PIHAK BERKUASA
PEMBANGUNAN TENAGA
LESTARI (SEDA) MALAYSIA**
SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT
AUTHORITY (SEDA) MALAYSIA

Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.

☎ +603 8870 5800

☎ +603 8870 5900

✉ enquiry@seda.gov.my

CAWANGAN SABAH SABAH BRANCH

Likas Square Commercial Centre, Unit 32, Level 1,
Lorong Likas Square, Jalan Istiadat Likas, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

☎ +6088 252 101/251 462

☎ +6088 250 337

📘 Sustainable Energy Development Authority - SEDA Malaysia

📺 SEDAMalaysia

📧 sedamalaysia

📺 _sedamalaysia

📺 SEDA Malaysia

📺 SEDA Malaysia

www.seda.gov.my

